

# Manfaat pakej pelan data internet

**Teknologi** maklumat menghubungkan kita dengan cepat. Sekiranya capaian internet berfungsi dengan baik, kita dapat mengakses internet menggunakan aplikasi media sosial dengan mudah.

Pengumuman Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) memperuntukkan RM24 juta bagi Bantuan Pelan Data kepada 320,396 pelajar daripada kategori B40 sangat melegakan.

Ia untuk memastikan mereka mendapat persekitaran pembelajaran kondusif dengan pendekatan pengajaran dan pembelajaran (PdP) dalam talian susulan pandemik COVID-19.

Sehingga akhir tahun lalu, 195,028 pelan data dan 3,773 peranti sudah diadarkan kepada pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) kategori B40 bersasar sejak Pakej Pelan Data dan Peranti dilancarkan pada 30 Oktober 2020.

Terkini, KPT mendapatkan tawaran terbaik untuk pelajar IPT daripada syarikat pembekal pelan data dan peranti.

Tawaran ini membolehkan pelajar mendapatkan pakej pembelian pelan data lebih murah, sekali gus memudahkan mereka mendapat capaian internet.

Menurut Hootsuite and We Are Social dalam laporan terkini Digital 2020, pengguna di Malaysia memanfaatkan purata tujuh jam dan 57 tujuh minit sehari dalam talian.

Kajian dikeluarkan KASPR DataHaus

berpangkalan di Australia menunjukkan Malaysia merekodkan pertambahan penggunaan internet sebanyak 9 peratus sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan.

Malaysia negara kedua tertinggi mempunyai pertambahan tekanan internet ketika pandemik COVID-19. Ini menunjukkan penggunaan internet dalam kalangan rakyat Malaysia sangat tinggi.

Pengumuman KPT membuktikan pakej pelan data internet memberikan sedikit harapan kepada pelajar untuk bertahan sepanjang PKP. Ia alat pelengkap terbaik kepada pendidik dan pelajar.


Walaupun sukar berkongsi pandangan secara fizikal, aktiviti PdP akan dapat

diteruskan secara maya dengan lebih kreatif dan inovatif selepas KPT menawarkan pakej pelan data internet secara berpatutan sepanjang tempoh PKP.

Tuntasnya, teknologi maklumat bukan penyelamat mahupun penawar bagi menghadapi COVID-19. Keberadaan teknologi ini membuatkan kita lebih kuat berhadapan wabak dan menggalakkan pendidikan yang kreatif dan inovatif.

Manfaatkan sebaiknya pakej pelan data internet sebelum diberikan peluang belajar secara bersemuka.

**Muhammad Hafiz Badarulzaman,**  
Pensyarah Universiti Utara Malaysia



**Pelajar IPT perlu manfaat pelan data internet untuk mengikuti PdP secara berkesan.**